

Perkukuh sifat saling hormati antara kaum dan agama

*Alami seru Muslim
terus contohi Rasulullah*

Oleh HISHAM HASIM
hishambh@sph.com.sg

MASYARAKAT Islam setempat digesa agar terus mengekal dan mengukuhkan sifat menghormati masyarakat berbilang kaum dan agama di sini.

Dalam ucapannya sempena sambutan Maulud Nabi di Masjid Abdul Ghafoor petang semalam, Presiden Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Haji Mohd Alami Musa, berkata sifat inklusif yang diamalkan Rasulullah *saw* dahulu menekankan pentingnya bagi umat Islam menghormati penganut agama lain.

"Rasulullah membenarkan sekumpulan paderi Kristian yang menziarahinya bersembahyang di Masjid Nabi kerana mereka tidak mempunyai tempat lain untuk berbuat demikian," kata Haji Mohd Alami sebagai contoh.

Lantas Haji Mohd Alami menyeru agar masyarakat, termasuk pihak masjid dan pertubuhan Islam, agar terus mencontohi usaha Rasulullah *saw* dengan menunjukkan sifat tersebut dan usah menyinggung perasaan penganut agama lain.

Ini termasuklah ceramah-ceramah agama dan para penceramah yang diundang harus mengekalkan dan mengukuhkan rasa hormat pada masyarakat berbilang agama di sini.

"Keharmonian agama yang wujud di sini adalah disebabkan usaha baik para pemimpin agama termasuk daripada masyarakat kita. Para pemimpin masjid dan pertubuhan juga telah menunjukkan keghairahan untuk mengekalkan hubungan harmoni dengan para penganut agama lain.

"Marilah kita terus mengingatkan diri kita contoh baik Rasulullah dalam menunjukkan rasa hormat kepada penganut lain dan mengelak daripada menyinggung mereka yang mempunyai kepercayaan lain daripada kita," ujar Haji Mohd Alami.

-
- ▶ Beriani amal bagi yang kurang bernasib baik 4
 - ▶ Cara cintai Nabi dengan adabnya 14
 - ▶ Bak purnama di gelita malam 15
-

Sifat inklusif itu merupakan antara empat sifat Rasulullah yang ditekankan Haji Mohd Alami yang boleh diterapkan masyarakat – berpegang teguh kepada agama, menyumbang, menyesuaikan diri dan progresif – sedang ia menghadapi cabaran-cabaran kehidupan kini.

Rasulullah mengajar umatnya untuk berpegang teguh dengan ajaran Islam walau sebesar mana cabaran kehidupan yang dihadapinya dan umat Islam juga perlu mencontohi sikap Rasulullah *saw* dalam membantu masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama, kata Haji Mohd Alami.

Mengenai ciri menyesuaikan diri dalam kehidupan beragama, beliau memberi contoh bagaimana Rasulullah *saw* sewaktu mengutus Muaz ibn Jabbal sebagai Gabenor Yaman menggalaknya berijtihad bagi membolehkan pelaksanaan agama disesuaikan dengan suasana masyarakat yang berbeza.

Ciri-ciri tersebut dirumuskan Haji Mohd Alami sebagai RiCAP – berpegang teguh (*religiously resilient*), inklusif, menyumbang (*contributive*), menyesuaikan diri (*adaptive*) dan progresif.

"Ciri-ciri RiCAP yang diajar Rasulullah diperlukan kita, sedang kita menghadapi cabaran-cabaran, perubahan dan kepelbagaian dalam masyarakat kita.

"Marilah kita jadikan ciri-ciri RiCAP sebahagian penting daripada etos sosial dan identiti kita sebagai Muslim di Singapura," kata Haji Mohd Alami.

Tema sambutan Maulud Nabi tahun ini adalah Berdaya Tahan, Mengharungi Cabaran.

Sambutan Maulud Nabi itu dianjurkan Muis dengan kerjasama Masjid Abdul Ghafoor dan lima masjid kelompok zon tengah.